



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HUSSIN BIN YUSOFF TOK DALANG WAYANG KULIT**

**OLEH:**

**NUR AMIRA BT SALIM 2014706853**

**NURUL ASHIKIN BT SENIK 2014943671**

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

# PENGHARGAAN

## Penghargaan

Pertama sekali, memuji kepada Allah untuk membuat cadangan bagi IMR 604 berjalan dengan baik dan lengkap. Banyak orang lain adalah pengiktirafan dalam projek cadangan ini.

Terima kasih kepada Puan Nor Kamariah Binti Chik kerana memberikan kami bantuan untuk menjadikan kita memahami, membuat pembetulan bagi kesilapan kami, memberikan kami *hardcopy* dan *softcopy* garis panduan dan untuk menunjukkan kepada kami contoh cadangan itu. Ia benar-benar membantu kami banyak dengan nasihat dan galakan beliau.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan terima kasih ahli keluarga kita untuk penajaan dan sokongan mereka. Di samping itu, mereka telah dirangsang usaha kami untuk memberikan cadangan yang baik dan memberi wang tunai bagi kita untuk mencari maklumat di web, Photostatting, percetakan dan “*banding*” . Terima kasih ahli-ahli kelas kami juga kerana membantu kami banyak dalam membuat laporan ini, dengan memberi kami nota dan pandangan idea yang sangat baik, memberi kita kebenaran untuk menggunakan komputer riba, pemancu pintar, buku-buku dan bahan-bahan kajian mereka. Tidak boleh dilupakan, komen, kritikan dan idea untuk membuat cadangan ini berguna dan menarik untuk dibaca oleh orang lain.

Tidak lupa juga banyak-banyak Terima Kasih buat Encik Hussin Bin Yusuf kerana sudi ditemu bual dan berkongsi serba sedikit mengenai cerita rakyat disebalik wayang kulit kepada kami. Tidak lupa juga buat keluarga Encik Hussin Bin Yusuf kerana menerima

Terima kasih juga buat Perpustakaan Tengku Anis yang membolehkan kami menggunakan sumber-sumber rujukan seperti bahan-bahan yang ada membantu kami dalam projek ini. Ia memberikan kami maklumat banyak, formal dan tidak formal dan menjadikan kita memahami topik kami dengan jelas seperti kristal.

Akhir sekali, ucapan terima kasih untuk ahli kumpulan kami kerana memberikan tumpuan sepenuhnya kepada projek ini, serta menggalakkan satu sama lain untuk berkerja keras dan membantu untuk memastikan projek ini lengkap dengan jayanya.

# ABSTRAK

## **Abstrak**

**Abstrak:** Projek ini mengenai cerita rakyat disebalik wayang dan pengalaman Encik Hussin bin Yusof. Dalam tahun 1989, beliau mula mempelajari wayang kulit daripada tokoh seni tanah air seperti arwah Pak Hamzah Awang Amat iaitu seniman negara yang pertama. Pada tahun 1995 beliau mula ‘masuk panggung’ untuk bermain wayang kulit sebagai dalang untuk kali pertamanya. Dan setelah itu, beliau bersama arwah Pak Hamzah telah bermain wayang kulit di merata-rata tempat di dalam semenanjung Malaysia. Pada tahun 2005, beliau melakukan upacara sembah guru dengan arwah Sulaiman dari kampung Padang Tembesu, Tumpat disebabkan Pak Hamzah telah meninggal dunia pada masa itu. Beliau juga berkongsi cerita rakyat disebalik wayang kulit didalam sesi temubual yang dijalankan. Selain itu terdapat juga nasihat dan pendapat yang diberikan dalam penghasilan wayang kulit. Pak hussin juga berkongsi serba sedikit mengenai anugerah yang dimenangi dan dianugerahkan buatnya sepanjang beliau berkarya didalam bidang ini.

**Kata kunci:** Encik Hussin Bin Yusof, Cerita Rakyat disebalik wayang kulit, wayang kulit

# **ISI KANDUNGAN**

## **Isi kandungan**

Penghargaan .....	3
Abstrak .....	5
Isi kandungan .....	7
Biodata tokoh .....	9
Pengenalan .....	10
Transkrip .....	14
Bahagian 1: Latar Belakang Pak Hussin .....	15
Bahagian 2: Latar Belakang Wayang Kulit .....	22
Bahagian 3: Cerita Rakyat Disebalik Persembahan Wayang Kulit .....	29
Bahagian 4: Soalan Tambahan .....	36
Rujukan .....	40
Lampiran .....	42
Log wawancara .....	42
kaedah Kajian .....	46
Gambar .....	47
Senarai soalan .....	48
Surat Perjanjian .....	52
INDEX .....	53

# **BIODATA TOKOH**

## Biodata tokoh



Nama	Hussin Bin Yusoff
Gelaran	Pak Hussin
Umur	68 Tahun
Tarikh Lahir	24hb. November 1948
Alamat	Lot 213, Kampung Banggol, Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan.
Agama	Islam
Warganegara	Malaysia
Status	Berkahwin

# PENGENALAN

## Pengenalan

Wayang kulit sangat popular di rantau Asia Tenggara. Terdapat berbagai bentuk dan jenis wayang kulit bergantung kepada suasana dan latar belakang masyarakat. Wayang kulit telah wujud di Kemboja (Kampuchea) lebih 1000 tahun yang lalu. Di Malaysia, wayang kulit mula diperkenalkan 300-400 tahun yang silam. Mengikut catatan sejarah wayang kulit pernah dipersembahkan di perkarangan Istana Raja Melayu yang pertama memerintah negeri Kelantan 200 tahun dahulu.

Wayang kulit yang tertua di Kemboja dan Thailand telah dipersembahkan oleh sekumpulan yang pandai bertindak pantas, berdiri bersebelahan, setiap seorang memegang sekumpulan kerektor Ramayana di atas kepala mereka. Kerektor-kerekotor tersebut lebih 4 kaki tinggi, dan menari secara melintang di belakang skrin yang berukuran 20 kaki panjang dan 8 kaki tinggi. Persembahan ini mungkin satu kerja seni untuk menghibur Raja Khmer di Angkor pada abad ke 10 dan 11 selepas masehi.

Wayang kulit gergasi ini adalah untuk persembahan kerabat diraja, tetapi jenis yang lebih mudah dan kecil telah diadakan di Kemboja dan Thailand pada masa kemudian untuk hiburan masyarakat umum. *Figura (gambar)* yang dibuat daripada kulit lembu, mempersembahkan watak individu dari Ramayana dan jarang yang lebih daripada 2 kaki tinggi. *Figura (gambar)* ini dikendalikan oleh seorang atau lebih pemain patung duduk di atas platform kayu di belakang skrin kain kapas yang lebih kecil. Ini adalah form persembahan yang biasa dilakukan di Semenanjung Malaysia, tetapi berlainan di Jawa.

Walau bagaimana pun terdapat catatan bahawa pada tahun 1612, seorang raja perempuan Melayu di Patani di sebelah utara telah mempunyai kumpulan wayang kulitnya sendiri. Wayang kulit Melayu menyerupai wayang kulit yang dimainkan oleh orang Khmer dan Thai tetapi berbeza daripada wayang kulit di Indonesia.

Di Malaysia, cerita-cerita daripada Ramayana sering dimainkan. Di Jawa dan Bali, kebanyakan cerita datangnya daripada Mahabharata, iaitu cerita tentang Raja Pandu dan lima orang puteranya. Wayang kulit merupakan hiburan rakyat jelata pada masa dahulu. Oleh kerana peredaran masa, wayang kulit Malaysia mengalami perubahan dan penyesuaian mengikut selera dan kehendak masyarakat setempat. Misalnya, pada patung-patung telah diwarnakan.

Peninggalan pusaka kebudayaan Melayu ini mengandungi unsur-unsur yang berhubungkait dengan ketuhanan dan alam. Patung-patung melambangkan hakikat manusia, manakala bayang-bayang patung yang tertera di kelir (layar) melambangkan manusia di alam nyata. Wayangkulit pernah dijadikan alat pengajaran dan dakwah selama beberapa zaman oleh masyarakat peribumi. Objek-objek dalam persesembahan wayang kulit seperti dalang, muzik, pelita, dan panggungnya mempunyai makna-makna dan pengertian yang tertentu.

# **TRANSKRIP**

## **Transkrip**

Assalamualaikum, pada 25 April 2016 pukul 11.00pagi, Isnin saya Nur Amira Salim dan Nurul Ashikin bt Senik berada di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas Kelantan akan menemu bual Encik Hussin bin Yusoff atau dikenali sebagai Pak Hussin tentang cerita-cerita rakyat atau mitos disebalik persembahan wayang kulit. Tidak ramai yang tahu tentang cerita-cerita rakyat di sebalik wayang kulit di sini, salah satu cerita rakyat Hikayat Maharajawana, Hikayat Seri Rama, cerita-cerita Pani, cerita Ranting, Tanggam, Saduran. Temubual ini bertujuan untuk mengenali lebih lanjut cerita rakyat disebalik wayang kulit di mana ianya juga untuk memenuhi keperluan subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan dimana subjek ini terkandung di dalam silibus ijazah kami iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di UiTM Machang Kelantan temuramah ini akan dibukukan dalam bahan bercetak di mana generasi generasi boleh baca sekali gus membolehkan cerita rakyat disebalik wayang kulit dikenali sehingga 100 tahun mungkin. Kita boleh mula ye pak cik?.

Petunjuk:

PH: Pak Hussin

AS: Asyikin Senik

NAS: Nur Amira Salim

## Bahagian 1: Latar Belakang Pak Hussin

**AS: Assalamualaikum, boleh Pak Hussin cerita serba sedikit tentang maklumat latar belakang seperti nama penuh dan tarikh lahir?**

PH: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu, Saya dikenali "Hussin Bin Yusof" Kampung Banggol Gele mah (Banggol Gelang Mas) ataupun Pak Hussin nama *glamour* [terkenal] Pak Hussin. Saya berkhidmat di Uitm Shah Alam pada *sembilan puluh sembilan* [1999] sapa ko [sehingga] tahun *dua ribu sebelas* [2011]. *Dua ribu sebelas* [2011] tu [itu] *demo* [mereka] panggil g [pergi] di Universiti Pendidikan Idris UPSI Tanjung Maling Perak. Baru habis *dua haribulan dua* [2 hari bulan 2] tahun *dua ribu enam belas* [2016] habis situlah.

**AS: Selain Pak Hussin ada nama samaran lain?**

PH: Pak Hussin itu yang biasa ore (orang) kampung panggil.

**AS: Boleh cerita lahir dimana dan anak ke berapa?**

PH: Kampong Banggo Gelang Mas lah [tabiat biasa untuk menghabiskan ayat]. Asal sini [Disini] Tahun *sembilan belas empat lapan* [1948]. *Loni* [Sekarang] usia banyak la *lapan puluh* [80] tahun dah [mengiyakan umurnya].

**AS: Bila Pak Hussin mendirikan rumah tangga?**

PH: Pak Hussin kahwin *dulu* [dahulu] tahun *enam puluh tiga* an [63]-an (tahun) sapa [sehingga] sekarang ni *lah* [mengiyakan].

**AS: Bilo [bila] Pak Hussin bertemu dan bernikah dengan isteri?**

PH: Pak Hussin tak temu ore [orang] tua dulu. Ore [orang] tua yang carikan.

**AS: Boleh ceritakan sedikit tentang isteri Pak Hussin?**

PH: Isteri Pak Hussin tak de pape *lah* [orang biasa-biasa]. Bagus laa [isteri yang baik]. Nama dia "Siti Minah bt Awe" [Awang].

**AS: Pak Hussin menetap dirumah ini sudah berapa lama?**

Pak Hussin: Rumah *ni* [ini] lama *start* [mula] kahwin tahun ni [ini]. Berapa *tak tahu lah* [tidak ingat] (dirungi suara ketawa).

**AS: Anak berapa orang anak?**

PH: Anak *lapan* 8 [lapan] *ore* [orang].

**AS: Boleh tahu nama mereka?**

PH: Nama anak hok [amalan biasa orang Kelantan] sulong nama "Siti Aishah" nombor *dua* [2] "Yati" [isteri Pak Hussin bersuara], nombor *tiga* [3] "Kamarulbahri", nombor *empat* [4] [suara isteri Pak Hussin] "Suriani", nombor *lima* [5] "Kamarulbaisah", nombor *enam* [6] "Siti Rohana", nombor *tujuh* [7] "Sapik Aminudin", nombor *lapan* [8] "Mohd Ridwan" masih sekolah lagi duk [tinggal] di Aswara (nama tempat pengajian).

**AS: Apakah hobi Pak Hussin pada masa lapang?**

PH: Hobi masa lapang? [meminta kepastian soalan]. Oo..\_\_ [memberi keputusan] membuat peralatan muzik tradisional, wayang kulit, *wat* [membuat] keduk, *bano* [rebana] Dikir barat, gong besi tembaga, gendang, geduk [alat muzik].

**AS:** Boleh ceritakan sedikit tentang sejarah pendidikan daripada sekolah rendah ke sekolah menengah?

PH: [ Bunyi deraman motor] Pok Sin (Pak Hussin) dulu sekolah Gelang Mas kelas kelas [ulangan perkataan] tiga [3] jah [ sahaja ]. Tak [ tidak ] sekolah pon [ juga ]. Tak [tidak] *galok* [diberi perhatian] *ngaji* [belajar/sekolah]. *Wat* [buat] *kijo* [kerja] *bendang suh* [disuruh] *galo* [mengembala] lembu kuba [kerbau] dulu *jame* (Zaman) dulu.

**AS:** Apakah cita-cita Pak Hussin semasa kecil-kecil dulu?

PH: *Takdop* [ tiada ] cita-cita *takdop* [ tiada ] nak *jadi* apo-apo [ tidak mempunyai cita-cita dan tidak mahu menjadi apa-apa]. [ Bercerita nasib diri ] *takdop* [ tidak ada ] cita-cita. Berserah pada nasib. (bunyi kertas).

**AS:** Apakah yang mendorong Pak Hussin menceburi dalam persembahan wayang kulit?

PH: Mula-mula [mengulang perkataan] Pok Sin [Pak Hussin] *nak* [hendak] main wayang kulit ni Pok Sin [Pak Hussin] *main teri* [ Perubat Sakit Tradisional ] *dulu* [ dahulu ], perubat sakit tradisional. Mula-mula [ mengulang perkataan ] belajar muzik, gendang. Tahun *tujuh puluh* [70-an] lagi lah *pahtu* [ selepas itu ] belajar jadi bomoh Lupa Teri (Bomoh Perubat Orang Sakit Tradisional) *tu* (itu) jadi *tok teri* (perubat sakit tradisional), *tok rinduk* belajar rebab, belajar *suna* [serunai] *pahtu* [selepas itu] *dok* [ belajar ] main teri (Perubat Sakit Tradisional), (suara isteri) Pak Nga Mullah [arwah] arwah "Pak Hamzah Awang Hamat" Kampung Tumpat Gerung. *Dio* [ dia ] kata, " *Mu sin keno belajar main wayang kulit*" [ kamu Hussin kena belajar main wayang kulit ] tahun *lapan puluh lima* [85-an] dan *lapan puluh enam* [86-an] *g* [ pergi ] rumah *dio* [dia] *ambil* [mengambil] *cerito* [ cerita ] *seni kata ucap dalam* [alunan dalam persembahan wayang kulit]. Belajar dengan *dio* [dia] *tiga* [3] malam . Pasal *ok* [baik] sesuai Hussin boleh nyanyi cepat la [cepat belajar]. *Lagu belajar lah* [penyambung perkataan] wayang kulit dengan dia satu minggu.

**AS: Boleh cerita sedikit tentang halangan-halangan semasa (hendak menjadi tok dalang wayang kulit ) mula berkecimpung dalam wayang kulit?**

PH: ooo [ berfikir sejenak ] larangan [halangan] *takdop apo-apo* [tidak ada apa-apa]. Cuma peralatan *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] langkah. Pasal benda *kito* [kita] cari makan. Sebab pantang larangan. Pesan dari *tok guru* [cikgu mengajar] benda cari rezeki *takleh* [ tidak boleh ] *nak* [ hendak ] buat langkah tak boleh buat hina [ tidak boleh dipermainkan ] [memberi perumpaman seperti bantal yang dibuat tidur], [contoh kepercayaan yang syirik tidak perlu dibuat].

**AS: Belajar dengan siapa?**

PH: "Pak Hamzah Awang Amat".

**AS: Bila pertama kali bermain wayang kulit?**

PH: Kali *pertama* [1] pada tahun *lapan puluh lima* [85-an]. Belajar mula-mula [mengulang perktaan], Mula-mula masuk panggung hari Isnin malam Selasa *tiga* [3] malam. Malam Selasa Rabu Khamis.

**AS: Dimana biasanya tempat melakukan persembahan?**

PH: Tumpat Gerong, *muloh* [mula] *umah* [rumah] "Hamzah bin Awang Amat", rumah *dio* [dia]. main sekali *nga* [dengan] *dio* [dia]. *Dio* [dia] *dok* [sedang] tunjuk main ajar *gapo* [apa]. masa tu *tak* [tidak] kenal wayang kulit lagi watak-watak wayang kulit . [watak wayang kulit disebut Raja Hanuman, Maharaja Warna, Siti Dewi, Siri Rama] [suara AS].

**AS: Tokoh yang menjadi idola?**

PH: "Pak Hamzah Awang Amat".

**AS: Adakah pernah bekerjasama dengan dia?**

PH: Ye, [ Ya ] pernah - .

## **AS: Adakah pak Hussin mempunyai persaingan dari pihak lain?**

PH: Tok Dalang lain, banyak juga dengan *mulah* [mula] arwah Sulaiman Abdullah Kampung Air Dingin Tumpat. Belajar dengan *dio* [dia] *takdan* [tidak sempat] *nak* [hendak] berlima *dea* [sempat belajar] *dio* [dia] meninggal dulu. *Pahru* [selepas itu] sembah guru lama dengan arwah Sulaiman Abdullah dengan Kampung Air Dingin Tumpat *Kelate* (Kelantan) . Sembah guru *ni* [ini] maksudnya *khatam* (habis belajar wayang kulit) menceritakan salah satu watak-watak dalam wayang kulit kalau bahasa dalam wayang kulit *ni* [ini], bahasa sembah guru *nak* [hendak] lepas *ore* [orang] *taik boleh* [tidak boleh]. Dalam wayang kulit bawak cerita Tok Pere Ute [hutan] *g buru*, [pergi memburu] Raja titah Seri Rama titah pada *dio* [Seri Rama] *g buru* [pergi memburu], kijang rusa, pelanduk mapuh *lah* [pergi ke tempat itu] belukar, *dio* [Raja Seri Rama] *nak* [hendak] *kijo* [mengadakan kenduri] dalam negeri *dio* [Raja Seri Rama] panggil rakyat jelata dalam negeri tanah jawa suruh makan, *cede lauk* [hidangan makan]. *G buru* [pergi memburu], masuk dia kata “*ute soh ko jumpa tapak takdop napok*” [ hutan, jumpa haiwan berkenaan tapak kaki tidak kehilatan] *Bakpo* nyo sia *maja ni* [ Dio kata tak pernah lagi jadi belas ni [ ini ], selagi sakat-sakat dio *g* [ pergi ] *pado* ni [ini] *nyadar* [mencari] *nyo keh* [berusaha] boleh juga ni mesti boleh cikit-cikit, *soh ko* [sedangkan] jumpa tapak *pom* [juga] *taikdop* [tiada] . *Dok* [duduk] *nengung* [berfikir] pohon jitu renda ni, lah mana nk buat *dio pom g plok* [pergi pula] masuk *ute* [hutan] jumpa dengan *Mok Rima besar Serja Kilat Jalawangi*, *dok depan dengan dio*, *dio kata mu ada sini, pade lah ak taikleh pom*. *Keno pom mu ade halangan dio ada juga* [ harimau betina yang besar bernama Serja Kilat Jalawangi berada di depan Tok Pere Ute. Tok Pere Ute berkata, ‘patutlah aku tidak dapat hasil buruan, rupa-rupanya kamu berada disini’. Rima marah, terkam Tok Pere Ute, *take* [tikam] dengan golok *mapuh* [mati] lah *rima* [ harimau ]. Disini lah, *hok* [yang] *mapuh* [mati] *rima* [harimau] *baso ore* [ orang yang] tak perlina tak sembah guru dia *taikleh* [tidak boleh] buang *hok* [yang] baka *rima* [harimau]. [bunyi kokokan ayam] disitulah dia dengan lepas gua “*nondok nenda sekelian budak kanda besar kecik, dalam pangung luar panggung, jangan sapo-sapo azab tulah salah jangan apo wat jebak ipoh pana* (bunyi kokokan ayam ), kalau tak semah

*dio takleh nak lepar rima*", ( bunyi kokokan ayam) [ ayat yang digunakan apabila bermain wayang kulit oleh tok dalang yang menceritakan tentang keburukan jika tidak perlama setelah habis belajar].

**AS: Adakah pak Hussin pernah mengajar di mana-mana institut pengajian tentang wayang kulit?**

PH: UiTM Shah Alam dan Universiti Pendidikan di Tanjung Maling perak UPSI

**AS: Adakah diantara ahli keluarga yang mewarisi bakat?**

PH: ooo.[Berfikir sejenak] anak-anak *Pok Sin* [Pak Hussin] ado [ada] bakat *blako* [Semua]. Kama Bahri yang laki-laki pon [juga] boleh main tok dalang. "Kamarul Baisyah" boleh main wayang kulit, mak yong. Jadi ada pelapis la *hok* [tabiat biasa orang Kelantan] nombor tujuh [7] pom [juga] tapi dia *tak* [tidak] minat. *Dok* [ada] belajar seni mak yong *gok* [juga]. *Pah* [selepas] muzik-muzik tu boleh *blako* [semua].

**AS: Bagaimana membahagikan masa kerjaya wayang kulit ini dengan pekerjaan?**

PH: Wayang kulit *tak* [tidak] tetap *pon* [juga].

**AS: Adakah wayang kulit merupakan perkerjaan tetap pak Hussin?**

PH: Buat *kijo* [kerja] *pon* [juga] main juga wayang kulit *pon* [juga] main main puteri, *nak-nak* [hendak] *dua* [2] kali minggu, *tiga* [3] kali minggu. *Tak* [tidak] tetap *pon* [tidak] main, *tikoh* [jika] ada orang panggil, *tikoh* [jika] *tak* [tidak] *dop* [ada], *tak* [tidak] *dop* [ada] laa [Persembahan wayang kulit].

**AS:Pernahkan pak Hussin bertanding wayang kulit di luar Negara?**

PH: *Pok Sin* [Pak hussin] g [pergi] *blako* [semua] London *tiga* [3] tiga kali dan Afrika Selatan.

**AS: Ceritakan sedikit kejayaan pak Hussin sebagai permain wayang kulit di peringkat dalam Negara?**

PH: Dokumen kebudayaan

**AS: Ceritakan sedikit kejayaan Pak Hussin sebagai permain wayang kulit di peringkat luar Negara?**

PH: Pum Dokumen Kebudayaan la tuh [mengiyakan perkara yang sama]

**AS:Pernahkah pak Hussin berkongsi pengalaman Pak Hussin dengan mana-mana media cetak sebelum ini?**

PH: Tak [ tidak] pernah.

**AS: Pernahkah pak Hussin berkongsi pengalaman pak Hussin dengan mana-mana media sosial sebelum ini?**

PH: Tak (tidak) pernah.

**AS:Pernahkan Pak Hussin ditemu ramah dengan pelajar yang membuat kajian tentang wayang kulit sebelum ini?**

PH: Ya, Pernah. Ramai student [Pelajar] datang temu ramah untuk mengenali wayang kulit. Tapi jarang-jarang je [sahaja] la [tabiat menyudahkan ayat].

**AS:'Gambar' manakah yang menjadi kegemaran Pak Hussin ketika bermain wayang kulit?**

Ph: Banyak-banyak watak Pok Sin [Pak Hussin] suka Raja Hanuman.

## Bahagian 2: Latar Belakang Wayang Kulit

**AS: Boleh terangkan apa itu wayang kulit?**

PH: Wayang kulit, asal wayang kulit ni berhubung kait dengan *kito* [kita, [berkait rapat dengan manusia]. *Kito* [kita] ni [ini] pon [juga] wayang kulit *jugok* [juga] tapi Wayang kulit *kito* [kita] ni [ini] tak [tidak] berasal dari Jawa. Wayang kulit ini yo [ia] melalui India, masuk Thailand terus [melalui] ke Kampung Laut Tumpat Kelantan, tempat mula-mula persembahan wayang kulit.

**AS: Wayang kulit ini berasal dari mana?**

PH: Asal \_\_ padang Jawa sebab tu [itu] ia panggil dari wayang siam, asal tok dalang siam. Ore [orang] siam pum [juga] perempuan. Wayang kulit asal jawa melalui wayang siam Hikayat Wayang Siam. [berfikir] terlupa tu. (ketawa) Wayang siam Hikayat Jawa. Asal dari situ, siam suami isteri. Ore [orang] *tino* [perempuan] main dulu, siam. Nama Mok Erok [Suara AS dan NAS bertanya dan ketawa] [isteri] *tok laki* [orang lelaki] Tok Ekok [Suami]. Tok dalang pertama *tok laki bini*. [suami isteri] *pahtu* [selepas itu] dia turun menurun *pah* [sampai] *titih* [turun temurun] ke Awe Loh (Awang Abdullah), turun menurun *sapa* [sampai] ke Tok Beh, Tok Yakuk, Tok Jusoh, Tok Awang Loh Tok Karim [ nama-nama pengajar pada zaman itu] selapis ke selapis *pah* [sampai] ko [ke] "Tok Karim", "Tok Jusoh Sira" baru jatuh ko [ke] "Pok Hamzah Awe [awang] Amat". "Pak Nasir Yusof". Last (akhir) sekali Pak Hussin. Keturunan "Mok Erok", "Tok Awang Loh". *Mulah* [arwah] Pak Hamzah ni kata, "*Mu main lah wayang kulit ni, boleh cari makan*". [ Kamu bermain wayang kulit ini, boleh cari makan] Kata muloh ni [arwah ada berpesan].

**AS: Negeri manakah yang memblokori wayang kulit selain Negeri Kelantan?**

PH: Ada \_ di setiap negeri, Johor ada Kedah ada tapi *tak* [tidak] sama dengan wayang Kelantan watak lain. Watak lain [ulangan perkataan], Paluan muzik *pun* [juga] lain.

**AS: Di Malaysia ada berapa versi wayang kulit?**

PH: *Nok oyak tokleh ni.* [hendak bagitahu tidak boleh] macam wayang Kedah banyak sangat contoh Kedah ia *tak* [tidak] pentingkan cerita, wayang gedek *kalu* [kalau] gedik [dialek] wayang siam. Gedek ni orang moden, main isu semasa tiada cerita rakyat. *Po* [sama] *kito* [kita] *ni* [ini] banyak *cerito* [cerita] , Pohon Berantai, Ramayana, Ibnu Sari,*apo ni* [apa ini], Peluru Lima Lara *ko* [ke]. *Po* [sama] *kito* [kita] ini banyak cerita. Kosi Serawi, Dewa Serama Tunggal [nama watak dan cerita].

**AS: Apakah perbezaan versi wayang kulit di Malaysia dan dia Negara lain?**

PH: Indonesia *pon* [juga] ada *jugak* [juga]. Bukan berasal sana. Ia melalui *jah* [sahaja], wayang Kelantan *tak* [tidak] singgah sana ia melalui. Macam India, ada Hanuman, ada Seri Rama. Macam Hanuman semua ada, mahkota dia macam hindu. Bentukkan dia macam gereja, macam India pakaian dia lagu *tula* [macam itu].

**AS: Negara manakan yang lebih memblokori seni wayang kulit?**

PH: India, Thailand ,Indonesia dan Jawa

**AS: Berapa orang yang diperlukan untuk persembahan wayang kulit?**

PH: *Dio* [dia] main wayang kulit bergantung pada cerita. Cerita Mas Indera rupa [nama cerita yang dipilih]. Jin ada dua jin. sepuluh orang.

**AS: Berapa lama persembahan biasa dimainkan?**

PH: Bergantung pada cerita yang dimainkan \_\_\_\_.

**AS: Alat muzik biasa yang digunakan dalam wayang kulit?**

PH: Alat muzik yang biasa digunakan ada *tujuh* [7] *instrument* [alat muzik] sepasang gong, *satu* [1] pasang geduk, *satu* [1] pasang gedombok, *satu* [1] pasang canai, *satu* [1] pasang gedang, *dua* [2] pasang serunai, *ibu nga anak* [ada yang besar dan kecil]. Serunai nyanyi *nga* [dengan] serunai lagu, *sepuluh* [10] orang. *Kalu* [kalau] *baso* [bahasa] *dale* [dalam] *cerito* [cerita] *sebelas* [11] *pondok tujuh* [7] *pengantin* [penonton] *lima* [5] *pengantin* [penonton] *tu* [ itu ] *ore* [orang] *nengok* [menonton]. *Nok vi bunyi molek* [hendak bagi bunyi menarik]. Sembolik itu dia main *sebelas* [11] *sepuluh* [10] termasuk *mok ibu* [panggilan ibu] Ayu. Dalam cerita, masa dia berambak *nga* [dengan] *set sultan* [semasa dia berkejar dengan askar sultan]. *Dio* [dia] masuk dalam tunjong, *dio* [dia] tulbik [keluar] *lam* [dalam] teropong *berambak* [kejar masa *tu* [itu]]. Masa Raja *nak* [hendak] siram [mandi], *mok ibu* [panggilan ibu] ayu dok *ngide* [emak ibu ayu sedang menghidang]. *Dok masak* [sedang masak]. *Turih* [terhiris] tangan, *tubik* [keluar] darah *jatuh* [masuk] dalam sayur. Sultan makan sedia *kalo* [selalu] makan sedap, rasa lain masakan, *dio* [dia] tanya *sapo* [siapa] masak. *Oyak* [bagitahu] *la* (penyambung ayat) *sapo* [siapa] masak. Cari *mok ibu ayu* [emak ibu ayu], *nak* [hendak] makan darah ibu ayu [emak ibu ayu]. *Hambah* [kejar] ibu ayu. Lari-lari masuk dalam tanya. Ada *dua*. [2] *Wat* [buat] *buh* [letak] kayu ngan [dengan] *wat* [buat] *tubik* [keluar] asap. Masak dalam teropong. *Pekok len* [jalan]

lain]. *Suk-suk* [tiba-tiba] naik atas panggung wayang. *Mok ibu ayu* [si tukang masak] *pom* [terus] *dok* [duduk] tepi gong. *Mok ibu ayu pon* [terus] tanya habis. *Seri denggung, geduk ni* [ini], *seri gemuruh* [gendang]. *Serunai* [naga ulik]. *Ikat gong* [naga belit]. *Nikat atap* dengan buluh muda, *naga lilit*. *Dio bilo peranjak* [bila dia terperanjat], bila-bila panjak berapa [pacak berapa]? *Panjak* [pacak] *tujuh* [7] pengantin [penonton] *lima* [5] bilang-bilang *tigabelas* [13] *ni* [ini]. Tok dalang kata, “*Doh mu babuk. Panjak tujuh pengntin lima termask nga mu lah*” (“tidak pandai, apabila sudah termasuk dengan kamu jadi pacak tujuh [7] penonton lima [5] ) (disusuli ketawa kecil).

**AS: Perbezaan nama alat muzik orang biasa dengan tok dalang panggil?**

PH: Beza.

**AS: Siapa penonton wayang kulit?**

PH: Masa tu *tak* [tidak] kira, masa dulu *ore* [orang] tua *ore* [orang] muda minat blako [semua]. *Ore* dulu [orang dahulu] budak muda minat. Budak muda *loni* [sekarang] main gitar atas wakaf [pondok].

**AS: Golongan manakan yang lebih tertarik untuk menonton wayang kulit?**

PH: Kesukaan zaman dulu, *suke* [suka] dengar cerita, *suke* [suka] tengok wayang kulit. Sebelum bertambah, sebelum persempahan, lagu persempahan ni lagu *mula-mula tabuh* [palu gong] dulu, tabuh [pukul] ragam. Dalam tabuh [pukul] ragam ada *dua belas* [12] lagu doh [sudah], tabuh pendek gedu gedu *habis kat tu* [dekat situ]. Tabuh ragam heret, ada *dua belas*

*lagu* [12] lagu. Makan masa dim *dua puluh minit* [20] minit *ugok* [juga] */a* (perkataan penyambung ayat) *tabuh* [pukul] ragam tu.

**AS: Dimanakah datang idea untuk membuat ‘gambar’ wayang kulit?**

PH: Asal Padang Jawa *jugak* [juga], *ore-ore* [orang-orang] *tua bijok* [orang tua pandai] *palo otok* [akal fikiran] *dio* [dia] *dio* [dia] pandai *reka lagu* [cipta lagu] *tu* [itu] lagu. *Ore* [orang] dulu, jadi *dio* [dia] lukis gambar dengan nama *dio* [dia] *letok* [letak] makna *menasaboh* [logik akal] tak *tikah* banyak [perbezaan yang tak banyak]. *Dio* [dia] kata tak *tikah* [tak banyak beza] *aso* [rasa] kata lembu *gak* [jugak], gambar lembu lah [tabiat menyambung ayat] mukannya dengan muka dengan hidung pandai *dio* [dia] buat. Reka zaman dulu pandai *dio* [dia] buat. *Menasaboh* [ogik akal] */a* [menyambung ayat] *dio* [dia] *letok* [letak] *tu* [itu]. Kekal sehingga sekarang. Gambar yang dilukis sama dengan nama yang diberi.

**AS: Apakah bahan yang digunakan untuk membuat ‘gambar’?**

PH: *Jame* [zaman] dulu *nak* [hendak] *wat* [buat] *gak* [juga] belulang *lah* [tabiat biasa menyambung ayat], sembelih lembu buang daging-daging *jemor-jemor* [mengering]. Dulu hitam putih *jah* [sahaja]. *Loni* wayang *ka/a* [wayang berwarna]. *Loni* [sekarang] *amik* [ambil] belulang *pat* [tempat] *ore* [orang] Ambik [ambil] kulit *pat* [tempat] *ore* [orang] sembelih basuh-basuh, lipat-lipat *ambik* [ambil] plastik ikat kemas-kemas *ambik* [ambil] *tong ko* [ke] *gapo* [apa] *ko* [ke], *ambik* [ambil] *hok* [tabiat biasa orang Kelantan] berat. Rukup *tindih* [angkat dan tindih atau meletakkan sesuatu yang berat diatas kulit]. *Empat* [4] malam baru buka. Ulat besar *kelingkir* [ambil menunjukan jari kelingkingnya]. *Busuk tu gak* [bau sangat busuk]. *Sekilo bau doh* [dari jauh sudah bau]. Daging *tu* [itu] ada ulat *dah* [sudah] *ambik* [ambil] *regang* [tegangkan] *ambik*

[ambil] air, air sabun baru jemur [keringkan]. Jadi putih, putih ceroh mancar [silau]. Takdop [tidak ada] lah [tabiat menyambung ayat] hok [tabiat biasa orang Kelantan] gelap tuh [itu] macam plastik putih. Sebab tu [itu] kito [kita] buat kito [kita] kala [warna] kito [kita] kala [warna] loni [sekarang] dengan marker dengan artline. Dakwat gapo [apa] dakwat pen hiok [tabiat biasa orang kelantan] tu tak tubik dah [itu tidak akan hilang warna dia]. Kena huje [hujan] ko [ke] gapo [apa] ko [ke]. Tahan lama, berpuluhan-puluhan tahun babtu [sebab itu] kalu [kalau] masak belulang tu [itu] jadi cerah kala [warna] jadi tebus. Napok [nampak] merah napok [nampak] hijau kalu [kalau] hite [hitam] napok [nampak] hite [hitam] .kalu [kalau] dulu gak [juga] taknapok doh [tidak akan nampak sudah] takdop [tidak ada] warna.

**AS: Bolehkah ‘gambar’ diperbuat dengan bahan lain?**

PH: Plastik boleh jugok [juga], banyak plastik.

**AS: Adakah sukar untuk mendapatkan bahan untuk pembuatan ‘gambar’ wayang kulit?**

PH: Nok [hendak] boleh ko [ke] buang tu [itu] lah [tabiat biasa menyambung ayat] lama masa buat kulit tak [tidak] lama. [tidak lama proses pembuatan wayang kulit]

**AS: Berapa satu gambar yang dijual?**

PH: Ikut watak alam dua ratus ringgit [RM200], tebukan halus. Pokok Beringin, alat permulaan nak bukak [buka] panggung dalam tiga ratus ringgit [RM300].

**AS:** Bagaimana proses membuat gambar?

PH: Tebukkan halus pada gambar, warna nya guna market pen artline.

**AS:** Berapa lama proses gambar di buat?

PH: *Tiga [3] hari.*

**AS:** Apakah corak yang biasa digunakan untuk ‘gambar’?

PH: *Tebukkan ike* [tebukan berbentuk ikan], *tebuk naga* [tebukan berbentuk naga] contoh, Pohon Beringin ada bukit, bawah ada darat ada laut. Atas ada pokok, ada tupai, gajah kera. Ada dua darat ngan [dengan] laut.

**AS:** Berapa kos tempahan satu ‘gambar’?

PH: Seratus ringgit [RM100] hingga dua ratus ringgit [RM200].

**AS:** Apakah jenis muzik yang digunakan?

PH: *Gantung* [terletak] pada tok dalang tu [itu] pegang watak apa. *Kalu* [kalau] watak Raja Hanuman, maka lagu Serirama palung lagu [Nama lagu SeriRama] SeriRama Raja Hanuman akan mainkan.

## **AS: Berapa kos satu persembahan?**

PH: *Kito [kita] la [tabiat biasa menyambung ayat] letak harga dalam empat ratus ringgit [RM400], tiga ratus setengah [RM350]. Banyak malam main. Ada satu malam tapi di gelanggang seni.*

## **Bahagian 3: Cerita Rakyat Disebalik Persembahan Wayang Kulit**

### **AS: Apakah cerita disebalik wayang kulit?**

PH: *Haa [menyetujui] boleh ha [memulakan cerita], dia cerita rakyat ni [ini]. Anak beranak dia wayng kulit la. Ha [berfikir sejenak] dia macam "Seri Rama" nak [hendak] g [pergi] mandi bersiram selama dio nak g [selama dia pergi] buang cemar [kotor] darah busuk hanyir selama masa dio [dia] duk [sedang] perang "Maharaja Warna". Dio [dia] nok [hendak] ambik balik "Siti Dewi" dalam Negeri Langak Puri boleh tangan dio [dia] wat [bawak] balik mari dio [dia] nok [hendak] g [pergi] mandi bersiram lah [tabiat biasa menyambung awak] buang cemar [kotor] darah busuk hanyir selama masa dio [dia] duk [sedang] "Maharaja Warna" tu dio [dia] nok [sedang] g [pergi] cuci tubuh berlima badan [mandi] nok [hendak] mandi situ (kokokan ayam). Kemudian, kisah nok [hendak] g [pergi] mandi timbul lah [tabiat biasa menyambung ayat] perhatuan botom [menyamar] "Maharaja Warna" berupa jadi "Mok Inang tua". "Mok Inang tua" ni dio [dia] rapit [rapat] dengan "Tuan Sita Dewi" ini, dia rapit [rapat] dengan "Tuan Puteri Sita Dewi" ini, mok [emak] "Mak Inang tua" lah [tabiat biasa menyudahkan ayat] dok [sedang] asuh [didik], dok [sedang] bendung [pakaikan], dok bendung [pakaikan] baluk [bedakkan], dok [sedang] bedok bores Sita Dewi [mensiapkan pakaian Sita Dewi] dia sayang la [menyudahkan ayat]. Mok inang tua tu buke [bukan] Mok [emak] Inang sejati mok [emak] Inang tua perhatuan*

